

PROGRAM INVENTORI PERIKANAN DARAT DI SUNGAI MUDA.

Pada 30 September 2020 hingga 02 Oktober 2020, pihak Pejabat ini telah menyempurnakan Program Inventori Perikanan Sungai yang bertempat di sekitar Sungai Muda berdekatan Kg. Jambatan Merdeka bersempadan dengan Negeri Kedah. Program ini bertujuan untuk mengenalpasti spesies-spesies ikan untuk direkodkan.

Semua spesies yang diperoleh direkodkan berdasarkan kepada berat, panjang, koordinat, saiz pukal dan peralatan yang digunakan.

Kajian inventori spesies ikan dijalankan mendapati Sungai Muda kaya dengan sumber ikan darat termasuk udang galah, ikan Ketutu, Baung, Lampam dan sebagainya.

"Dengan adanya program ini, kita akan dapat mengekalkan sumber sedia ada daripada diancam kepupusan, selain dapat menyusun semula taburan spesis ikan berdasarkan habitat dan persekitaran semula jadi serta dapat menjamin kepelbagaian genetik sumber perikanan sungai.



